

# Penunaian Hak Cina Muslim Kelantan ke atas Modal Sosial

Adi Syahid M. A<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.02.002>

Received 29 September 2019; Accepted 22 November 2019; Available online 17 December 2019

**Abstrak:** Komuniti Cina Muslim diperhatikan berhadapan dengan konflik hubungan selepas memeluk agama Islam dengan keluarga asal yang bukan Islam dan juga komuniti Melayu. Konflik hubungan ini menjelaskan salah satu modal komuniti iaitu modal sosial. Berdasarkan permasalahan tersebut, timbul persoalan tentang bagaimana Cina Muslim dapat memperbaiki hubungan untuk meningkatkan modal sosial mereka. Untuk menjawab persoalan tersebut kajian ini menetapkan matlamat untuk mengenal pasti penunaian hak Cina Muslim ke atas modal sosial ikatan (keluarga asal) dan modal sosial rapatan (komuniti Melayu). Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah gabungan penjelasan berikutnya (*sequential explanatory mixed method design*) dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab objektif kajian. Kajian ini dilaksanakan ke atas Cina Muslim Kelantan. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan mudah dan bola salji di mana seramai 75 orang dalam kajian kuantitatif dan lima orang dalam kajian kualitatif. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan temu bual semi berstruktur. Analisis yang dilakukan menunjukkan penunaian hak Cina Muslim ke atas modal sosial ikatan (keluarga asal) kadang-kadang sahaja berlaku dan hanya kerap berlaku ke atas modal sosial rapatan (komuniti Melayu). Manakala analisis lanjut menggunakan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penunaian hak ke atas modal sosial ikatan dan rapatan antara responden yang lama memeluk agama Islam dan baru memeluk agama Islam. Dicadangkan supaya Cina Muslim memberikan tumpuan khusus terhadap penunaian hak ke atas modal sosial untuk memastikan modal sosial mereka meningkat dan dapat digunakan untuk memastikan pembangunan komuniti mereka dapat berlaku dengan baik.

**Kata Kunci:** Penunaian hak, modal sosial, kualiti hidup, komuniti Cina Muslim, dakwah komuniti

## 1. Pengenalan

Cina Muslim merupakan sebuah komuniti berdasarkan kepentingan yang terbentuk ekoran daripada konversi agama. Menurut Asnarulkhadi (2003), komuniti berdasarkan kepentingan merujuk kepada ciri-ciri manusia yang ada persamaan dalam aspek kepentingan seperti kesamaan daripada segi masalah, pengalaman dan cabaran hidup (Asnarulkhadi, 2003). Dalam pandangan lain, komuniti ini juga dikenali sebagai komuniti fungsional dan kecenderungan, di mana mereka berkongsi minat dan kecenderungan yang sama dalam pelbagai aspek kehidupan (Azizan, 2013). Bagi komuniti Cina Muslim, agama Islam telah menjadi nilai yang diterima dan disepakati secara bersama dan nilai tersebut memandu setiap tindakan dalam komuniti Cina Muslim untuk mempertahankan kepentingan dan keperluan mereka.

Lam mendefinisikan Cina Muslim sebagai sekumpulan etnik Cina yang lahir dan membesar di Malaysia serta bukan beragama Islam tetapi memeluk agama Islam dalam tempoh tertentu dalam hidup mereka (Lam, 2005). Menurut Zuliza (2001) umur yang dibenarkan memeluk Islam bagi orang bukan Muslim ialah 18 tahun. Ini bermakna Cina Muslim yang memeluk Islam adalah selepas berumur 18 tahun. Pada peringkat awal Cina Muslim memeluk Islam mereka dikenali sebagai saudara baru.

\*Corresponding author: [adisyahid@gmail.com](mailto:adisyahid@gmail.com)

Walaupun begitu, bagi komuniti Cina menjadi Muslim bukanlah suatu yang mudah kerana ia melibatkan isu etnik dan agama. Ini berbeza dengan etnik lain yang beragama Islam seperti etnik India dan Arab yang lebih mudah menganggap mereka sebahagian daripada Melayu dan berkongsi agama yang sama (Pei, 2015). Realiti tersebut tidak berlaku kepada komuniti Cina Muslim dan mereka di kecualikan daripada mendapat kecairan etnik untuk turut sama menjadi Melayu (Nagata, 1978). Kesukaran tersebut selalu dikaitkan dengan sejarah ketegangan dan konflik antara etnik Cina dan Melayu sebelum ini. Antara konflik awal yang berlaku antara Cina dan Melayu ialah ancaman komunis dan darurat sekitar tahun 1948 sehingga tahun 1960 yang menyebabkan komuniti Melayu dan Cina saling tidak mempercayai (Shamsul Amri Baharuddin, 2011; 2012). Seterusnya jurang ekonomi antara etnik Melayu dan Cina yang tidak seimbang pada suatu masa dahulu juga telah mencetuskan pergeseran antara kedua-dua komuniti tersebut pada 13 Mei 1969 (Lim, 2003). Selain itu, Shamsul Amri (2011) juga mencatatkan rusuhan kaum antara Cina dan Melayu juga pernah berlaku di Singapura pada 21 Julai dan 3 September 1964.

Sejarah tersebut telah meninggalkan impak yang besar terhadap komuniti Cina yang ingin memeluk agama Islam yang sinonim dengan orang Melayu. Selain itu, segregasi dan polarisasi masih lagi berlaku antara etnik Cina dan Melayu disebabkan oleh pelbagai faktor seperti ekonomi, politik dan sosial (Mohd Azhar et al., 2013). Tambahan pula, nilai induk Cina berasaskan kepada filial piety yang melahirkan kecinaan yang tegar, semangat kepuakan yang kental dan sikap pragmatis dalam mencapai sesuatu komuniti yang unggul (Wan Norhasniah, 2010). Realiti ini mewujudkan pelbagai faktor psikososial seperti prejudis, diskriminasi dan stereotaip antara kaum khususnya antara orang Cina dan Melayu (Sri Rahayu et al., 2009) dan turut melebar kepada salah faham terhadap agama Islam (Noraini, 2009). Justeru, salah satu perkara yang menjadi tumpuan kepada komuniti Cina Muslim ialah hubungan sosial mereka sama ada dengan keluarga yang berlainan agama dan komuniti Melayu yang berbeza etnik.

Hubungan merupakan elemen penting untuk diperhatikan dalam sesebuah komuniti dan menjadi ukuran sama ada dapat berlaku pengembangan yang baik atau tidak dalam komuniti tersebut. Secara lebih khusus dalam pembangunan komuniti, hubungan dikenali sebagai modal sosial. Modal tidak dalam maksud ekonomi sepertikekayaan, stok, bon dan tunai (Phillips & Pittman, 2009). Sebaliknya ia merupakan suatu kepercayaan terdapat unsur khusus dalam komuniti yang boleh dimanfaatkan untuk mengubah komuniti ke arah yang lebih baik (W.A Amir Zal (2016). Dalam pandangan lain, modal dirujuk kepada bakat, kemahiran dan kapasiti yang dimiliki oleh individu, organisasi dan institusi (Kretzmann & McKnight, 2005).

Modal sosial didefinisikan sebagai jaringan sosial, hubungan sosial, norma sosial, kepercayaan dan kebersamaan yang mempengaruhi tingkah laku dan hubungan dalam kalangan masyarakat (Petrosillo et al., 2013). Dalam definisi lain, modal sosial dinyatakan sebagai sumber yang boleh diakses daripada struktur sosial tertentu untuk mendapatkan kepentingan tertentu, sumber tersebut dibina melalui peluang yang ada dalam hubungan antara pelaku (Baker, 1990; Lin, 1999). Seterusnya Bourdieu & Wacquant (1992) mendefinisikan modal sosial sebagai sumber yang diperoleh oleh struktur sosial sama ada individu atau kumpulan adalah disebabkan mempunyai jaringan hubungan dan diinstitusikan disebabkan saling mengenali dan mengiktiraf. Dapat dirumuskan modal sosial sebagai potensi yang diperoleh daripada sesuatu hubungan dalam bentuk jaringan, norma dan saling percaya dalam struktur sosial untuk kepentingan tertentu disebabkan saling mengenali dan mengiktiraf.

Modal sosial dibahagikan kepada tiga jenis iaitu modal sosial ikatan, modal sosial rapatan dan modal sosial jaringan (Woolcock, 2001). Modal sosial ikatan merupakan suatu bentuk hubungan yang merujuk kepada kumpulan homogen seperti kawan rapat, keluarga, kumpulan sosial, jiran dan etnik yang sama (Putnam, 2000; Vynke et al., 2012). Manakala modal sosial rapatan pula merujuk kepada hubungan dengan kumpulan-kumpulan yang berbeza jenis seperti komuniti agama, etnik dan tahap pendapatan yang berbeza (Nicholson & Hoye, 2008). Seterusnya modal sosial jaringan merujuk kepada hubungan ahli komuniti dengan institusi-institusi dan pihak berautoriti (Szreter. S dan Woolcock. M, 2004).

Melalui pemilikan modal sosial, ahli komuniti mendapat pelbagai manfaat daripada kelompok sosial sama ada modal sosial ikatan, rapatan dan jaringan. Sehinggakan modal sosial menjadi pemangkin untuk meningkatkan kualiti hidup ahli komuniti (Putnam, 2000). Modal sosial ikatan misalnya penting, bagi membolehkan manusia mendapatkan sesuatu keperluan tanpa mempertikaikan tujuan tindakan yang dilakukan oleh ahli komuniti (W.A Amir Zal, 2014). Modal sosial rapatan pula berfungsi untuk ahli komuniti meluaskan rangkaian sosial mereka (Frick et al., 2011). Selain berfungsi untuk ahli komuniti mendapatkan sesuatu kepentingan daripada luar komuniti seperti mendayaupayakan ekonomi (W.A. Amir Zal et al., 2012). Manakala manfaat daripada modal sosial jaringan pula adalah ahli komuniti dapat mengakses sumber-sumber institusi formal untuk manfaat pembangunan sosial dan ekonomi mereka (Woolcock & Narayan, 2000).

Terdapat beberapa parameter lazim yang digunakan dalam mengukur modal sosial sesebuah komuniti seperti sikap percaya, keakraban, timbal balik, hubungan individu dan organisasi (Putnam, 2000; Campbell et al., 2010). Manakala Dale dan Sparkes (2008) pula menyatakan modal sosial diukur dalam aspek keakraban yang diperincikan melalui perasaan tertentu seperti merasakan komuniti sebagai rumah sendiri, rasa diterima dalam komuniti, rasa kepunyaan dalam komuniti dan persepsi komuniti sebagai boleh dipercayai dan jangkaan sosial yang positif, di mana masyarakat perlu saling bantu-membantu.

Walaupun begitu, dalam agama Islam untuk memastikan kelangsungan sesuatu hubungan berlaku dengan baik ialah penunaian hak. Islam menekankan hak dalam sesuatu perhubungan seperti hak dalam harta, hak memberi

pertolongan dan tenaga, hak dalam lidah dan hati, hak memberi pengampunan, hak dalam doa, hak dalam memenuhi kecintaan dan keikhlasan dan hak memberi keringanan, tidak membebankan atau paksaan (Muhammad Jamaluddin, 2006). Kewajipan atau hak dalam hubungan ini juga menjanjikan suatu manfaat yang berbentuk spirituul iaitu dijanjikan satu pulangan dalam bentuk pengampunan daripada Allah s.w.t berdasarkan sabda Rasullullah s.a.w:

*“Sesungguhnya perkara-perkara yang menyebabkan adanya pengampunan Allah s.w.t ialah memberi makanan, memberikan salam dan baiknya perbicaraan.”*

(Diriwayatkan oleh Thabarani)

Justeru, dalam memperhatikan elemen-elemen modal sosial tidak lengkap jika tidak diperhatikan penunaian hak mereka ke atas modal sosial. Pemerhatian ini dapat menjelaskan sama ada modal sosial yang baik atau tidak itu turut menunjukkan realiti penunaian hak ke atas sesuatu modal sosial.

## 2. Isu Modal Sosial Cina Muslim

Komuniti Cina Muslim merupakan etnik bukan Melayu yang terbesar melakukan konversi agama kepada agama Islam di Malaysia (Osman Chuah & Abdul Salam, 2008; Razaleigh et al., 2012). Komuniti ini mengambil sikap untuk berbeza agama dengan komuniti asal dan membentuk persamaan dalam aspek agama dengan komuniti Melayu yang berbeza etnik. Sebagai sebuah komuniti yang lahir daripada konversi agama, perkara yang sering diperkatakan dan mendapat tumpuan ialah konflik hubungan yang menjelaskan modal sosial mereka. Di mana konversi agama telah menyebabkan berlaku konflik hubungan dengan komuniti asal mereka yang bukan beragama Islam dan komuniti Melayu yang berbeza etnik. Antara konflik yang diperhatikan berlaku dalam kalangan komuniti Cina Muslim dengan komuniti asal mereka ialah mereka dipulau oleh keluarga, disindir oleh keluarga, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putus hubungan kekeluargaan (Mohd Syukri Yeoh & Osman Chua, 2004; Abdullah & Shukri, 2008; Nur Athiroh Tan & Fariza, 2009; Suraya Sintang et al., 2013; Marlon P.Guleng et al., 2014). Bagi pasangan yang telah berkahwin pula mereka terpaksa menceraikan isteri atau berpisah dengan suami yang masih belum memeluk agama Islam (Mohd Syukri Yeoh & Osman, 2004) dan menghadapi konflik hak penjagaan anak (Osman Chua, 2005). Selain itu, ada dalam kalangan mereka yang dinafikan daripada mewarisi perniagaan dan harta pusaka keluarga (Anuar Puteh, 2006; Osman Chua, 2005). Konflik antara keluarga juga berlaku ekoran timbul salah tanggapan keluarga terhadap niat memeluk Islam sehingga mereka menganggap komuniti Cina Muslim mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang mereka serta dianggap menjadi Melayu (Che Ku Shalihah, 2004; Marlon P. Guleng et al., 2014). Manakala yang lebih ekstrem, ada dalam kalangan Cina Muslim yang diancam bunuh (Ann Wan Seng; 2009; Osman Chua, 2005).

Seterusnya dalam konteks masyarakat Melayu pula, komuniti Cina Muslim juga berhadapan dengan konflik hubungan apabila wujud perbezaan budaya, adat resam dan sistem nilai yang ketara dengan komuniti Melayu, konflik lebih parah apabila ada Cina Muslim yang berkahwin dengan orang Melayu dan tinggal dalam komuniti tersebut (Abdullah & Shukri, 2008). Selain itu, komuniti Cina Muslim juga mengalami pandangan serong daripada komuniti Melayu dan terpaksa mengikut budaya dan cara hidup orang Melayu selepas memeluk Islam seperti apabila bersolat mesti memakai baju Melayu dan kain pelekat (Mohd Azmi & Maimunah, 2004). Cina Muslim juga menghadapi konflik dipandang rendah dengan diberi gelaran yang tertentu seperti saudara baru, masuk Melayu, mualaf dan Muslim kelas kedua (Ma, 2005). Bahkan ada dalam kalangan masyarakat Melayu yang menganggap agama Islam hanya untuk orang Melayu sahaja (Abd Latif, 2007; Asrul, 2002; Mahayuddin, 2001). Selain itu, hubungan antara komuniti Melayu dan Cina Muslim menjadi tegang apabila ada dalam kalangan orang Melayu menganggap Cina yang memeluk Islam mempunyai motif dan kepentingan tertentu (Osman Chua, 2005; Lam, 2004). Walaupun begitu, Razaleigh (2012a) dan Pei (2014) menyatakan bahawa sudah terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan komuniti Melayu terhadap komuniti Cina Muslim, di mana konversi kepada agama merupakan sesuatu yang dialu-alukan serta mula diterima. Namun dalam pandangan lain, Marlon et al. (2014) menyatakan bahawa sikap kepuakan masih lagi berlaku antara komuniti Cina Muslim dan Melayu, yang mana hasil kajian beliau menunjukkan tahap kefahaman, penerimaan dan integrasi golongan Cina Muslim terhadap budaya masyarakat Melayu masih berada di tahap sederhana. Begitu juga Wan Kamal Mujani et al. (2012) yang menyatakan kehidupan komuniti Cina Muslim agak berbeza dengan komuniti Melayu kerana mempunyai budaya yang berbeza.

Realiti tersebut menunjukkan komuniti Cina Muslim berhadapan dengan masalah dalam dua aspek modal sosial iaitu modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan. Modal sosial ikatan merujuk kepada komuniti asal yang bukan beragama Islam dan modal sosial rapatan yang merujuk kepada komuniti Melayu. Berdasarkan teori konflik sosial, Coser (1956) menyatakan bahawa konflik dapat membahayakan komuniti atau kumpulan. Oleh itu, konflik perlu diatasi dengan pelbagai cara supaya konflik dapat diredukan. Sehubungan dengan itu, Coser memperkenalkan istilah injap penyelamat (*safety valve*). Coser (1956) menyatakan injap penyelamat berfungsi sebagai jalan keluar yang dapat meredakan konflik. Justeru, penunaian hak dalam modal sosial dapat berperanan sebagai salah satu injap penyelamat (*savety valve*) yang dapat meredakan konflik atau sebagai jalan keluar konflik komuniti Cina Muslim. Dalam Islam, salah satu tuntutan utama dalam masyarakat ialah menunaikan hak dalam sesesuatu hubungan. Dalam keadaan modal sosial Cina Muslim yang rendah, telah menimbulkan persoalan sejauh mana penunaian hak berlaku ke atas modal sosial. Penunaian diperhatikan dapat menjadi injap penyelamat yang akan memperbaiki kembali hubungan dalam kalangan Cina Muslim dan seterusnya mampu meningkatkan modal sosial mereka. Maka kajian ini, meneliti penunaian

hak komuniti Cina Muslim ke atas modal sosial mereka iaitu modal sosial ikatan (komuniti asal) dan rapatan (komuniti Melayu).

### 3. Metodologi Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan ialah kajian gabungan dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini dipertimbangkan supaya objektif kajian dapat dijawab dengan baik. Ini kerana maklumat yang diperoleh melalui kajian adalah lebih jelas, tepat dan dapat memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding satu kaedah sahaja (Creswell & Clark, 2007). Kajian gabungan ini menggunakan reka bentuk kajian gabungan penjelasan berikutnya (*sequential explanatory design*) dengan menyelesaikan satu per satu iaitu dengan melaksanakan kajian tinjauan diikuti dengan temu bual semi struktur. Menurut Ary et al. (2010) analisis secara berturutan dapat menyediakan maklumat yang diperlukan untuk melaksanakan lebih kajian. Oleh itu, kajian kuantitatif disiapkan terlebih dahulu, setelah kajian kuantitatif dianalisis barulah kajian kualitatif dilaksanakan. Dengan itu, dapatkan kualitatif dapat menjelaskan dan mentafsir secara mendalam dapatkan kajian kuantitatif yang telah diperoleh lebih awal (Creswell, 2009).

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan mudah dan bola salji. Kaedah pensampelan ini dilaksanakan disebabkan tidak ada kerangka pensampelan yang konkrit mengenai Cina Muslim di Kelantan. Menurut Sabitha Merican (2006) pensampelan mudah (*accidental* atau *convenience*) boleh digunakan jika tidak mempunyai kerangka pensampelan. Melalui prosedur pensampelan ini seramai 75 orang responden telah diperoleh. Daripada responden tersebut 5 orang telah dipilih sebagai informan bagi kajian kualitatif.

Penunaian hak diukur berdasarkan kekerapan mereka menunaikan hak menggunakan skala likert (tidak pernah, jarang, kadang-kadang, kerap dan sangat kerap). Instrumen kajian telah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kepada sorotan karya mengenai penunaian hak. Instrumen kajian ini juga menepati kesahan kandungan (*content validity*) dan kesahan muka (*face validity*). Bagi mendapatkan data kualitatif temu bual dengan informan dilaksanakan dengan menggunakan protokol temu bual semi berstruktur. Soalan temu bual bagi pendekatan gabungan penjelasan berikutnya (*sequential explanatory design*) memerlukan soalan temu bual dibina berdasarkan hasil kajian kuantitatif. Perisian SPSS telah digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Data dianalisis secara deskriptif dan inferen. Manakala data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah *open coding, clustering, category* dan *thematic* secara manual.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1 Penunaian Hak ke atas Modal Sosial Ikatan dan Rapatan

Penunaian hak merujuk kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang Muslim dalam hubungan sosial mereka. Penunaian hak Cina Muslim diukur kekerapannya ke atas modal sosial ikatan (keluarga asal) dan modal sosial rapatan komuniti Melayu. Hasil kajian (Jadual 1) menunjukkan secara keseluruhan responden kadang-kadang (3.1) sahaja menunaikan hak ke atas modal sosial ikatan. Di mana responden kadang-kadang menunaikan hak dalam aspek memenuhi undangan (3.3), mengunjungi ketika sakit (3.4), bersedekah (3.0) dan memenuhi keperluan (3.0) modal sosial ikatan mereka. Walaupun begitu, dalam aspek berdakwah kepada modal sosial ikatan jarang (2.5) dilaksanakan ke atas modal sosial. Namun, terdapat juga hak yang ditunaikan secara kerap (3.7) oleh responden terhadap modal sosial ikatan iaitu berdoa. Kesimpulannya penunaian hak responden berada pada tahap tinggi dengan kekerapan yang kadang-kadang. Walaupun begitu, elemen penunaian hak yang paling kerap ditunaikan oleh responden ialah berdoa sahaja. Ini menunjukkan kekerapan penuaan hak banyak berlaku dalam aspek bukan praktikal iaitu berdoa sahaja tetapi elemen praktikal kadang-kadang sahaja ditunaikan oleh responden. Realiti ini turut di perkukuhkan melalui kenyataan yang diwakili oleh informan 2:

*“Yolo sungguh tue...bulih doa jah...sebenarnyo kita anak ni buke tok sey tunai hok.....tapi sebab tok leh balik....kebanyoke tok leh balik.....kalu dio ado kijo ok....kalu tok laki dio kijo stabil ok....tp gak ramai hok kijo tak stabil....pah nikoh nge Melayu hok malah..oghe kijo 6 hari dio kijo 3 hari....pah dok ambak g mitok nge balai Isle....pah nk kelik rumoh mok gak....tok laki kato nok balik guana gak pitih2 tak dok” (Informan 2).*

Terjemahan:

*“Betul tu...dapat berdoa sahaja...sebenarnya kita anak bukan tak mahu tunai hak. Tapi sebab tak dapat balik. Kebanyakan (Cina Muslim) tak boleh balik..kalau dia (Cina Muslim) ada kerja stabil ok. Tapi ramai yang kerja tak stabil. Lepas tu ada yang kahwin dengan Melayu yang malas...orang kerja 6 hari dia kerja 3 hari. Lepas 2 suruh kita pergi mintak dengan balai Islam (MAIK)..lepas tu nak balik rumah mak. Suami kata nak balik macam mana duit tak ada (Informan 2).*

Informan 2 mengiakan bahawa kebanyakan Cina Muslim tidak menunaikan hak sebaliknya berdoa sahaja. Beliau juga menyatakan bahawa penunaian hak ini berkait dengan status pekerjaan individu Cina Muslim itu, jika mempunyai pekerjaan yang stabil mereka tidak mempunyai masalah dalam penunaian hak tetapi kebanyakan mereka adalah golongan yang susah dan tidak mempunyai kemampuan untuk balik ke rumah keluarga. Maka penunaian hak responden kepada modal sosial adalah tinggi kerana pengaruh aspek doa, namun kekerapannya adalah kadang-kadang berlaku.

Bil	Pernyataan	*Min Modal Sosial Ikatan	*Min Modal Sosial Rapatan
1	Saya memenuhi undangan	3.3	4.0
2	Saya mengunjungi mereka ketika mereka sakit	3.4	4.1
3	Saya berdakwah kepada mereka	2.5	3.4
4	Saya mendoakan mereka	3.7	4.0
5	Saya sedekah kepada mereka	3.0	3.7
6	Saya memenuhi keperluan mereka	3.0	3.6
<b>Min keseluruhan</b>		<b>3.1</b>	<b>3.8</b>

\*skor purata: 1: Tidak Pernah, 2: Jarang, 3: Kadang-kadang, 4: Kerap, 5: Sangat Kerap

Berkenaan dengan modal sosial rapatan pula, secara keseluruhan responden kerap (3.8) menunaikan hak ke atas modal sosial rapatan. Responden kerap (4.1) mengunjungi modal sosial rapatan ketika mereka sakit. Selain itu, responden juga kerap memenuhi undangan modal sosial rapatan (4.0), mendoakan mereka (4.0), bersedekah (3.7) dan memenuhi keperluan (3.6) modal sosial rapatan. Selain itu, responden jarang (3.4) berdakwah kepada modal sosial rapatan. Kekerapan timbal balik juga dinyatakan oleh informan yang diwakili oleh informan 2:

*"Beras.. saya rajin.....mitok nge oghe..nak nanok tak dok..kita tidak pinje kito mitok secupok duo....oghe Melayu bui..pah kita kalau ado beras kita bagi juga secupok duo..tak dok masalah oghe Melayu..pah kito hok demo susoh kito tulung stakat bulih..mugo dok skali tu gak.*

Terjemahan:

*Beras saya pernah mintak dengan orang Melayu. Nak masak nasi tak ada..kita tidak pinjam. Kita mintak secupak dua. Orang Melayu bagi. Kalau kita ada beras kita bagi juga secupak dua. Tak ada masalah orang Melayu. Lepas kalau mereka susah kita tolong setakat mampu. Sebab duduk sekali."* (Informan 2)

Informan 2 menyatakan bahawa komuniti Melayu biasa menolong mereka apabila kehabisan beras dan menyatakan beliau juga menolong komuniti Melayu yang memerlukan bantuan setakat mampu disebabkan mereka berada dalam persekitaran sosial komuniti Melayu. Kesimpulannya elemen timbal balik responden dengan modal sosial rapatan adalah kerap berlaku.

Bagi modal sosial ikatan, walaupun kekerapannya adalah kadang-kadang Cina Muslim masih menunjukkan mereka kerap menunaikan hak. Namun terbatas dalam aspek berdoa sahaja. Ini menunjukkan mereka sedar bahawa sebagai Muslim mereka mempunyai hak untuk berdoa kepada keluarga mereka walaupun tidak beragama Islam. Ini menunjukkan mereka sedar dan faham bahawa Islam menelekkan penunaian hak sesuatu perhubungan sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Jamaluddin (2006) seperti hak dalam harta, hak memberi pertolongan dan tenaga, hak dalam lidah dan hati, hak memberi pengampunan, hak dalam doa, hak dalam memenuhi kecintaan dan keikhlasan dan hak memberi keringanan, tidak membebankan atau paksaan Walau bagaimanapun, mereka tidak mempunyai kemampuan dalam aspek fizikal yang menjadikan kebanyakan Cina Muslim tidak dapat menziarahi keluarga dan menunaikan hak-hak yang lain kecuali berdoa sahaja.

Seterusnya bagi penunaian hak ke atas modal sosial rapatan adalah kerap dan berada pada tahap tinggi menunjukkan bahawa pengislaman telah meningkatkan persaudaraan sesama Islam walaupun berbeza etnik. Tambahan pula, komuniti Cina Kelantan merupakan komuniti yang sudah memahami tentang penunaian hak dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana mereka mempunyai kemahiran bermasyarakat yang tinggi (Mohd Shahrul Imran Lim, 2014; Pue & Charanjit, 2014). Selain itu, pengislaman mereka juga diperhatikan meningkatkan kefahaman mereka tentang perlunya hak-hak bermasyarakat ditunaikan tambahan mereka tinggal dalam persekitaran sosial Melayu. Maszlee (2014) menyatakan tanggungjawab kepada saudara seakidah adalah beraspirasikan akidah itu sendiri. Maka persaudaraan berteraskan akidah merentasi hubungan kekeluargaan, pertalian darah dan kepuakan yang menuntut individu menunaikan hak kepada individu yang lain (Maszlee, 2014). Melalui persaudaraan juga memerlukan individu muslim mengambil peduli kepada anggota masyarakat yang lain (Mannan, 1989).

## 4.2 Perbezaan Penunaian Hak ke atas Modal Sosial Ikatan dan Rapatan Mengikut Tahun Memeluk Islam

Jadual 2 pula merupakan perbezaan penunaian hak ke atas modal sosial berdasarkan tahun memeluk Islam. Hasil ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan penunaian hak responden yang baru memeluk Islam dengan yang telah lama memeluk Islam ke atas modal sosial ikatan mereka ( $F= 1.016$ ,  $p=0.437$ ). Begitu juga pada jadual 3 yang menunjukkan hasil kajian perbezaan penunaian hak ke atas modal sosial rapatan menunjukkan tidak ada perbezaan antara responden yang baru memeluk Islam dan lama memeluk Islam ( $F=1.016$ ,  $p=0.437$ ).

Sebagai rumusan tempoh memeluk Islam bukanlah faktor yang menyebabkan penunaian hak mereka berbeza. Secara keseluruhan tahap penunaian hak responden terhadap modal sosial ikatan menunjukkan tahap yang rendah berbanding penunaian hak ke atas modal sosial rapatan yang menunjukkan tahap yang tinggi bagi kesemua tempoh memeluk Islam sama ada baru memeluk Islam atau lama memeluk Islam. Ini menunjukkan penunaian hak yang berlaku ke atas modal sosial modal ikatan atau rapatan tidak berkait sama ada mereka lama atau baru memeluk agama

Islam. Tindakan responden yang kurang menunaikan hak mereka kepada modal sosial ikatan sama ada yang baru atau telah lama memeluk Islam ini diperhatikan selari dengan tindakan masyarakat Cina memandang negatif kepada orang Cina yang memeluk agama Islam berbanding kepercayaan lain (Lee & Tan, 2000; Mohd Syukri & Osman Chua, 2003; Osman Chua, 2005). Ini berbeza dengan modal sosial rapatan iaitu komuniti Melayu yang diperhatikan sudah mula menunjukkan reaksi positif kepada Cina Muslim dengan berpandangan agama Islam sudah dapat dikongsi dengan baik disebabkan kepercayaan agama yang sama (Pei, 2014). Ini selari dengan penunaian hak oleh responden ke atas modal sosial rapatan yang berlaku tanpa mengira faktor lama atau baru memeluk agama Islam.

**Jadual 3: Perbezaan Penunaian Hak ke atas modal sosial ikatan berdasarkan tahun memeluk Islam**

<b>Modal Sosial Ikatan Penunaian Hak berdasarkan tempoh memeluk Islam</b>	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>Darjah Kebebasan</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Signifikan</b>
Antara Kumpulan	6.033	9	0.670	1.484	0.173
Dalam Kumpulan	29.354	65	0.452		
Jumlah	35.387	74			

**Jadual 4: Perbezaan Hak Ke atas Modal Sosial Rapatan Berdasarkan Tahun Memeluk Islam**

<b>Modal Sosial Rapatan Penunaian Hak berdasarkan tempoh memeluk Islam</b>	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>Darjah Kebebasan</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Signifikan</b>
Antara Kumpulan	2.111	9	0.235	1.016	0.437
Dalam Kumpulan	15.009	65	0.231		
Jumlah	17.120	74			

## 5. Kesimpulan

Penunaian hak merupakan kewajipan atau tanggungjawab dalam sesuatu hubungan sosial. Dalam konteks Cina Muslim di Negeri Kelantan, kajian ini menunjukkan penunaian hak mereka terhadap modal sosial ikatan (keluarga asal) kadang-kadang sahaja berlaku kecuali dalam aspek mendoakan keluarga asal yang kerap berlaku penunaian hak. Seterusnya penunaian hak ke atas modal sosial rapatan (komuniti Melayu) kerap berlaku. Hasil kajian ini menunjukkan implikasi yang positif kepada modal sosial ikatan dan rapatan Cina Muslim. Walaupun konflik hubungan dikatakan berlaku dalam kalangan Cina Muslim selepas memeluk agama Islam, mereka tetap menunaikan hak mereka sebagai seorang Muslim dengan kerap kepada modal sosial rapatan (komuniti Melayu). Bagi modal sosial ikatan, walaupun kadang-kadang sahaja berlaku mereka tetap secara kerap menunaikan hak dengan cara berdoa kepada keluarga asal mereka.

Kajian ini mencadangkan supaya penunaian hak ditingkatkan oleh Cina Muslim dalam rangka meningkatkan modal sosial mereka serta dapat mengurangkan konflik hubungan kerana menukar agama asal kepada Islam. Selain itu, bada-badan berautoriti terhadap Cina Muslim boleh turut memainkan peranan untuk membantu Cina Muslim menunaikan hak mereka ke atas keluarga asal mereka.

Kajian akan datang dicadangkan untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang hubungan penunaian hak dengan peningkatan modal sosial. Selain itu, kajian ini turut dicadangkan untuk diluaskan kepada Cina Muslim yang lain kerana kajian ini hanya terhad kepada Cina Muslim Kelantan dengan menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian dan tidak dapat digeneralisasikan ke atas populasi kajian.

## Rujukan

- [1] Abdullah, O @ Leng C. H., and A. S. M. Shukri. (2008). Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment. Kuala Lumpur: International Institute University of Malaysia.
- [2] Abd Latif Jufri. (2007). Koleksi Kisah Saudara Baru: Mengapa Aku Memeluk Islam. Johor Bahru: Master Gifts & Golden Esteem Development Sdn. Bhd.
- [3] Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A. & Sorensen, C. K. (2010). Introduction to research in education (8th Ed.). Canada Wadsworth: Cengage Learning.
- [4] Asnarulkhadi Abu Samah. (2003). Pengenalan Pembangunan Komuniti. Batu Caves: Percetakan Selaseh Sdn.Bhd.
- [5] Asrul Zamani. (2002). The Malays Ideals. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- [6] Anuar Puteh. (2006). Khidmat Nasihat dalam Menangani Masalah Saudara Baru. Dalam Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman Talib (Eds.). Dakwah dan Kaunseling di Malaysia. Bangi: Penerbit UKM.
- [7] Ann Wan Seng. (2009). Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata. Kuala Lumpur: MustRead.
- [8] Azizan Bahari. (2013). Bekerja dengan Komuniti. Kangar: Pustaka Qarya.
- [9] Baker, W. (1990). Market Networks And Corporate Behavior. American Journal of Sociology, 96, 589-625.
- [10] Bourdieu, P., and Wacquant, L. J. D. (1992). An invitation to Reflexive Sociology. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- [11] Campbell, A., Hughes, J., Hewstone, M., and Cairns, E. (2010). Social Capital as a Mechanism for Building as Sustaibnable Society in Northen Ireland. Community Development Journal, 45 (1):22-38.
- [12] Creswell, J. W., Clark, VL. P. (2006). Designing and Conducting Mixed Methods Research. USA: SAGE Publications.
- [13] Che Ku Shalihah bt. Che Ku Abdul Satar. (2004). Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita. Tesis B.A., Pengajian Islam. Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- [14] Coser Lewis. A. (1956) The Function of Social Conflict. New York. The Free Press.
- [15] Dale, A. and Sparkes, J. (2008). Protecting Ecosystem: Network Structure and Social Capital Mobilization. Community Development Journal, 43(2): 143-156.
- [16] Frick, J.E, Erikson, L.T and Hallen L. (2011). Bridging and Bonding Forms of Social Capital in Regional Strategic Network. Industrial Marketing Management, 40, 994-1003.
- [17] Kretzmaan, J.P. & McKnight, J. L. (2005). A Community Building Workbook Discovering Community Power: A Guide to Mobilizing Local Assets and Your Organization's Capacity. USA: ABCD institute, NorthwesternUniversity.<http://www.abcdinstitue.orgdocskelloggabcd>
- [18] Lam Yuen Yu Joy. (2005). Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts In Malaysia. A Master Thesis National University of Singapore.
- [19] Lin, N. (1999). Building a network theory of social capital. Connections, 22(1), 28-51.
- [20] Lee, Kam Hing & Tan, Chee Beng (Eds.). 2000. The Chinese in Malaysia. New York: Oxford University Press.
- [21] Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abu Dardaa Mohamad. (2014). Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Jurnal Al-Hikmah 6(2014): 73-88.
- [22] Ma, Rosey Wang. (2005). Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia. Asian Ethnicity, 6:2, 89-107.
- [23] Maszlee Malik. (2014). Menuju Sejahtera Meraih Bahagia: Satu Pandangan Baru Politik Islam (Siyah Syar'iyyah).Shah Alam: Karya Bestari.
- [24] Mahayuddin Yahya. (2001). Islam di Alam Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [25] Mohd Azmi Mat Shah dan Maimunah Ismail. (2003). Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. Pertanika J.Soc.Sci. 11(1): 81-85.
- [26] Mohd Syukri Yeoh and Chua. A. Chuah. (2004). "The Problems of Mu'allaf in Malaysia." Jurnal Islamiyyat 24 (Malaysia National University, Bangi): 65–84.
- [27] Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. (2014). Jati Diri Kaum Dan Perpaduan: Kajian Kes Cina Peranakan Kelantan Di Malaysia. Kajian Malaysia, Vol. 32, No.1, 2014, 119–148.
- [28] Muhammad Jamaluddin. (2006). Inti pati Ihya' Ulumuddin: Pengajaran Bagi Orang-orang Mukmin. Kuala Lumpur. Darul Fajr.
- [29] Nagata, Judith A. (1978). The Chinese Muslims of Malaysia: new Malays or new associates? a problem of religion and ethnicity." Pp. 102-114 in The Past in Southeast Asian's Present, edited by G. P. Means. Ottawa: Canadian Society for Asian Studies, Canadian Council for Southeast Asian Studies.
- [30] Nicholson, M. Hoye, R. (2008). Sport and social capital : an introduction Sport and social capital. Nicholson, M. dan Hoye, R. USA: Elsevier Ltd.
- [31] Nur A'tiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao dan Fariza Md Sham (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. Jurnal Hadhari Bil.2.83-97.
- [32] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng. (2005). Preaching to The Non-Muslim Chinese in Malaysia. Gombak: Research Centre IIUM.

- [33] Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- [34] Pei-Chien Wu. (2015). Looking beyond ethnicity: the negotiation of Chinese Muslim identity in Penang, Malaysia. *Asian Ethnicity*, 16:1, 78-91, DOI:10.1080/14631369.2013.870838.
- [35] Petrosillo. I, Constanza. R, Arento. R, Zaccarelli. N and Zurlini. G. (2013). The Use Subjective Indicators to asses How Natural and Social Capital Support Resident's Quality of Life in Small Volcanic Island. *Ecological Indicators*, 24-609-620.
- [36] Putnam, R. D. (2000) *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. New York: Simon & Schuster.
- [37] Pue Giok Hun dan Charanjit Kaur. (2014). Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademika* 84(1&2), 57-70.
- [38] Phillips R. and Pittman R.H. (2009). *An Introduction to Community Development*. New York: Routledge.
- [39] Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md.Sham, Badlihisham Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. (2012a). Assimilation Level of Chinese Muallaf In Kuala Lumpur. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(4): 524-533.
- [40] Sabitha Marican. (2006). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall/Pearson Malaysia,
- [41] Suraya Sintang, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Azizan Baharuddin, Nurhanisah Senin ,Suhaida Shararud-din , Wan Ariffin Wan Yon , Baharuddin Malek , Mahmud Ahmad & Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). The Dialogue of Hikma: Generating Harmony in Muslim–Non-Muslim Relations, Islam and Christian–Muslim Relations, 24:2, 213-224, DOI:10.1080/09596410.2013.772328.
- [42] Sreter, S., & Woolcock, M. (2004). Health by association? Social capital, social theory, and the political economy of public health. *International Journal of Epidemiology*, 33, 650-667.
- [43] Vyncke, V., Peersman, W., Maeseneer., J.D. Willems, S. (2012). Measuring the Immeasurable? Operationilising Social Caital in Health Research, *Health*, 4 (9), 555-556.
- [44] W. A. Amir Zal, Ma'Rof Redzuan, Asnarukhadi Abu Samah, Hanina H. Hamsan. (2012). Peranan Modal Sosial Rapatan ke atas Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 58, 63–69.
- [45] W.A Amir Zal. (2014). Pembangunan Kapasiti Nelayan Kuala Terengganu Utara Berasaskan Modal Sosial dan Ekonomi. Kuala Terengganu. Penerbit UMT.
- [46] W. A Amir Zal. (2016). Barah Sosial dalam Komuniti. Kuala Terengganu: Penerbit Uniersiti Malaysia Terengganu.
- [47] Wan Kamal Mujani, Abdul Qayyum Abdul Razak, Allawati Kasri, Mohd Irman Mohd Abd Nasir dan Noor Inayah Ya'akub. (2012). The Chinese Muslim Community: Their Economic, Political and Social Involvement in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3): 417-422.
- [48] Woolcock, M. (2001). The Place of Social Capital in Social Capital Thematic Group. *Understanding Social and Economic Outcomes*. Canadian Journal of Policy Res., 2(1): 11-17.
- [49] Woolcock, Michael & Deepa Narayan. (2000). Social Capital: Implications for Development Theory, Research, and Policy. *World Bank Research Observer*, 15(2): 225-249.